

## **Maya2U manfaatkan koperasi Angkasa**

SINAR 14/11/2017 MS. 47

LEBIH 13,000 koperasi bawah Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) akan dapat manfaat *Maya2U*, portal dagangan digital diwujudkan melalui kerjasama antara Sterling Red Sdn Bhd dan Obor Net Sdn Bhd.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, *Maya2U* membolehkan lapan juta ahli Angkasa untuk meneroka platform e-Dagang Asean2U di bawah OborNet dan mendapatkan akses kepada 65 negara terlibat di bawah inisiatif Satu Jalur, Satu Jalan (Obor).

"Kerjasama ini membolehkan koperasi di Malaysia dan Asean menjalankan urus niaga dengan negara Obor, bermula dengan China, Hong Kong dan Taiwan," katanya pada majlis mendatangani perjanjian kerjasama strategik perniagaan antara Sterling Red dan OborNet di sini, kelmarin.

Kerjasama antara Maya2U dan Asean2U, inisiatif Perniagaan kepada

Perniagaan kepada Komersial (B2B2C) pertama dalam negara ini, akan menyediakan ekosistem setempat memudahkan urus niaga merentas sempadan.

Pasaran e-Dagang China, yang dianggarkan melebihi AS\$600 bilion, akan membolehkan koperasi Malaysia berkembang melalui kerjasama dengan lain-lain perusahaan bagi meningkatkan penawaran produk, perkhidmatan dan pelanggan.

Katanya, dengan kesempatan Zon Perdagangan Bebas Digital, platform tersebut akan menyediakan perkhidmatan logistik lebih baik untuk pelanggan dan rapatkan komunikasi serta memecahkan halangan bahasa dan perbezaan budaya.

Perusahaan kecil dan sederhana diperlakukan ke tahap tinggi untuk pasaran global termasuk vendor negara Obor.

Selepas tembusi pasaran China, kerjasama ini menyaksikan PKS sasar pasaran Eropah dan Timur Tengah. - *Bernama*



Perpustakaan Koperasi  
Malaysia